

Headline	FRIM Inc. pacu pengkomersialan R&D		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	29	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	829 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 16,535
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,605



Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencatat sejarah baru dalam usia 33 tahun penubuhannya apabila meneruskan kelulusan kerajaan untuk merealisasikan penubuhan anak syarikatnya FRIM Incorporated (FRIM Inc.) yang akan beroperasi untuk mengkomersialkan produk dan berkongsi kepadarannya dengan industri dan masyarakat berdasarkan hutan dan hasilan hutan.

Kelulusan penubuhan FRIM Inc. merupakan satu lonjakan harapan dan cabaran baru ke arah usaha pengkomersialan daripada dapatan penyelidikan berdasarkan hutan dan hasilan hutan.

"Ini membuktikan usaha FRIM selama ini diiktiraf dan dihargai kerajaan apakah lagi dalam usaha mempercepat bidang bioekonomi sebagai pencetus baharu kekayaan negara.

"Suka atau tidak, kita perlu bergerak segera dalam memastikan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) mampu menjadi teras kepada kemajuan negara dalam erti kata sebenar yang boleh diaplikasi dan diperdagang dalam perspektif seimbangkan kemajuan tanpa mengorbankan kemapanan sumber asli dan alam sekitar yang kita miliki."

Itulah antara harapan dan cabaran yang dikongsikan oleh ketua pegawai eksekutif syarikat tersebut, Mohd. Shahidan Mohamad Arshad dalam satu

FRIM Inc. pacu pengkomersialan R&D

pertemuan di pejabatnya dalam kampus FRIM di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

FRIM Inc. dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Kepong baru-baru ini. FRIM merupakan agensi bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Yang turut hadir menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar; timbalan menteri, Datuk Ir. Dr Hamid Samuri; Ketua Setiausaha NRE yang juga Pengerusi FRIM, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Usaha tersebut boleh disimpulkan secara mudah bahawa FRIM berada pada landasan betul dalam usaha pengkomersialan R&D dan seterusnya mampu menjana pendapatan sendiri.

FRIM bertuah kerana memiliki aset perhutanan yang banyak dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan.

Berdasarkan sejarah, penyelidikan perhutanan di negara ini bermula seawal tahun 1894 dengan kajian untuk

Petak percubaan penanaman pokok yang diusahakan ketika penubuhan kampus FRIM itu berjaya membangunkan sebuah kawasan hutan tropika buatan manusia yang terbesar di dunia."

membuat pelapik rel (*railway sleepers*) di Sentul, Kuala Lumpur.

Usaha memindahkan stesen penyelidikan tersebut ke Kepong bermula sekitar tahun 1920-an. Ketika itu, kampus berkenaan merupakan kawasan bekas lombong yang diusahakan sebagai kebun sayur.

Petak percubaan penanaman pokok yang diusahakan ketika penubuhan kampus FRIM itu berjaya membangunkan sebuah kawasan hutan tropika buatan manusia yang terbesar di dunia.

Beliau berkata, pada masa ini, penyelidik FRIM akan berfungsi sebagai 'kakitangan syarikat' yang akan berperanan sebagai pakar runding bagi menggerakkan syarikat membantu pelanggan mereka, manakala fasiliti yang ada akan membantu ke arah tersebut.

Dengan keparakan dan kemudahan tersebut, FRIM Inc. mempunyai kekuatan untuk bekerjasama dan membantu pelanggan merancang pelan perniagaan dan mengkomersialkan produk yang berpotensi untuk dipasarkan.

"Selama ini banyak penyelidik FRIM menghasilkan produk, tetapi berdepan cabaran untuk dikomersialkan.

"Begitu juga penyelidikan luar yang ingin mendapat kecaparan FRIM, kita bantu mereka merealisasikan hasrat untuk mengembangkan produk yang boleh dikomersialkan.

"Kehadiran kita bukan untuk bersaing tetapi sama-sama membantu syarikat merancang pelan perniagaan," ujarnya lagi.

FRIM Inc. juga kata beliau, menawarkan khidmat perundingan kepada mana-mana

pihak terutama pemegang taruh (*stakeholders*) serta bidang-bidang lain seperti pembangunan produk daripada ekstrak, produk kayu dan perabot buluh serta pengurusan hutan bandar dan ekopelancongan.

Menurut beliau lagi, usaha tersebut juga sekali gus merapatkan hubungan dengan pelbagai pihak dan mampu menjana keuntungan berkonsepkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Mekanisme kerjasama tersebut, kata beliau, menerusi memorandum persefahaman (MoU), memorandum perjanjian (MoA) dan khidmat perundingan.

"Sebelum ini, semua usaha tersebut telah pun sejarah dengan misi dan visi penubuhan FRIM tetapi peranan kita lebih menyeluruh dan meliputi pelbagai aspek yang akhirnya memberi manfaat kepada masyarakat," ujarnya.

Sebagai agensi kerajaan yang menerima bantuan dalam bentuk dana adalah jelas matlamat akhir adalah apa sahaja yang diusahakan adalah untuk kebaikan masyarakat.

FRIM Inc.

● Ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 sebagai anak syarikat FRIM

● Tujuan penubuhannya adalah mentransformasikan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk perkhidmatan teknikal FRIM kepada aktiviti pengkomersialan untuk penjanaan pendapatan.

● Berdasarkan tagline Meneroka Potensi Tanpa Had (*Discover Unlimited Potential*), FRIM Inc. akan beroperasi bawah prospek seperti berikut:

- Aktiviti pemasaran dan jualan produk hasilan R&D.
- Perkhidmatan keparakan dan kemahiran.
- Perkhidmatan perlindungan harta intelek.
- Khidmat teknikal berbentuk pemindahan teknologi.
- Latihan serta pengkomersialan harta intelek di pasaran terbuka.

● Dari pada keseluruhan aktiviti perniagaan FRIM Inc. yang bermula dari Disember 2017 hingga Januari lalu, syarikat ini dianggarkan memperoleh pemasukan bernilai RM1 juta.



AHMAD ZAHID HAMIDI melancarkan FRIM Inc. sambil diperhatikan Dr. Mohd. Abd. Latif Mohamed, Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Azizan Ahmad di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

INFO

- Ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 sebagai anak syarikat FRIM
- Tujuan penubuhannya adalah mentransformasikan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk perkhidmatan teknikal FRIM kepada aktiviti pengkomersialan untuk penjanaan pendapatan.
- Berdasarkan tagline Meneroka Potensi Tanpa Had (*Discover Unlimited Potential*), FRIM Inc. akan beroperasi bawah prospek seperti berikut:
 - Aktiviti pemasaran dan jualan produk hasilan R&D.
 - Perkhidmatan keparakan dan kemahiran.
 - Perkhidmatan perlindungan harta intelek.
 - Khidmat teknikal berbentuk pemindahan teknologi.
 - Latihan serta pengkomersialan harta intelek di pasaran terbuka.
- Dari pada keseluruhan aktiviti perniagaan FRIM Inc. yang bermula dari Disember 2017 hingga Januari lalu, syarikat ini dianggarkan memperoleh pemasukan bernilai RM1 juta.